

19/05/2004

`Tiada pilih kasih usaha banteras rasuah'

KUALA LUMPUR: Kerajaan sudah membuktikan tidak memilih kasih dalam kesungguhan usaha membanteras rasuah dan berpegang kepada prinsip tiada pihak yang terlepas daripada undang-undang.

Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail bertitah, kerajaan juga akan memastikan segala penyiasatan oleh pihak berkuasa dijalankan secara telus, bersopan santun serta mengikut peraturan dan undang-undang.

Komitmen kerajaan membanteras rasuah dapat dilihat dalam pembabitan Malaysia yang aktif pada forum serantau dan antarabangsa serta menandatangani Konvensyen Membanteras Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Merida, Mexico pada 9 Disember 2003.

"Untuk membudayakan integriti, kerajaan beta sudah melancarkan Pelan Integriti Nasional bertujuan menetapkan hala tuju dan kerjasama semua lapisan masyarakat bagi membina sebuah masyarakat bermoral, beretika dan berintegriti tinggi bagi mencapai salah satu matlamat Wawasan 2020.

"Ia membuktikan komitmen kerajaan beta untuk bersikap telus, pertanggungjawaban dan mewujudkan semak dan imbang. Institut Integriti Malaysia telah ditubuhkan bagi memantau pelaksanaan pelan ini," titah baginda ketika merasmikan pembukaan penggal pertama Parlimen ke-11 di Dewan Rakyat di sini, semalam.

Mengenai Program Khidmat Negara (PKN), Seri Paduka berharap semua lapisan rakyat memberi sokongan padu kerana matlamatnya untuk meningkatkan semangat cintakan negara, perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Titah baginda, kejayaan program itu amat penting demi membina sebuah generasi muda yang lebih patriotik, lebih berdisiplin dan bersatu padu serta mempunyai jati diri dan semangat waja untuk mendukung Wawasan 2020.

"Kerajaan akan memperbaiki dan memantapkan lagi pelaksanaan program ini supaya matlamatnya tercapai sepenuhnya," titah baginda.

Kepada semua Ahli Parlimen, Yang di-Pertuan Agong meminta mereka berbahas dengan berkualiti serta melaksanakan tanggungjawab masing-masing dengan menjunjung semangat demokrasi dan dengan sifat penuh kematangan.

Baginda berharap ahli parti yang berlainan fahaman politik mempereratkan hubungan dan berbaik-baik antara satu sama lain.

"Perihal ini hendaklah dicerminkan melalui kelakuan sahsiah yang baik, termasuk tindak tanduk di dewan ini," titah baginda.

Yang di-Pertuan Agong turut merakamkan penghargaan kepada bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad terhadap segala jasa dan pengorbanannya kepada rakyat dan negara selama 22 tahun menerajui kepemimpinan kerajaan.

"Sebagai seorang pemimpin yang gigih, tegas dan berwawasan, beliau telah berjaya membawa negara ini ke persada kecemerlangan dan menjadikan Malaysia sebuah negara yang dihormati dan disegani bukan saja di kalangan negara Islam dan negara membangun, malah di kalangan negara maju," titah baginda.

Baginda turut mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi kerana dilantik Perdana Menteri kelima dan kepada Barisan Nasional yang mencapai kemenangan besar dalam pilihan raya umum pada 21 Mac lalu.

(END)